



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 10 DISEMBER 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	CAP GESA TANGANI SAYUR, BUAH NAIK HARGA, NASIONAL, SH -12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2. 3.	KPDN AMBIL SERIUS ADUAN CAP, NASIONAL, SH -12 'VEGETABLE PRICE HIKE TEMPORARY', NEWS, NST -4	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	AGROBANK RAIH ENAM ANUGERAH MPRA 2024, BISNES, HM -27	AGROBANK
5.	MENANTI BERAS TEMPATAN KEMBALI DI PASARAN, DALAM NEGERI, UM -1 & 2	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

CAP gesa tangani sayur, buah naik harga

Peniaga beri alasan bekalan terhad akibat musim hujan

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI
GEORGE TOWN

Kerajaan perlu segera menyasat kenaikan harga barangan mentah yang meningkat mendadak sehingga membebankan golongan miskin dan berpendapatan rendah.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, tinjauan dilakukan pihaknya, baru-baru ini, mendapati harga sayur dan buah-buahan naik mendadak dalam tempoh hanya dua minggu.

"Kenaikan harga ini boleh memberi kesan serius kepada diet isi rumah berpendapatan rendah kerana mereka mungkin terpaksa mengurangkan kuantiti makanan penting seperti sayur-sayuran dan buah-buahan," katanya.

"Kenaikan harga mendadak ini disebabkan kekurangan bekalan sayur-sayuran dan buah-buahan yang disebabkan musim hujan," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.



Peniaga mendakwa harga barangan meningkat disebabkan bekalan terhad.

Ujar Mohideen, CAP menggesa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan meningkatkan kecekapan dalam saluran pengedaran makanan.

"Mengurangkan peranan orang tengah, mewujudkan pasaran langsung dan menambah baik rantai bekalan dilihat boleh membantu mengurangkan kos."

"Kerajaan juga perlu menyokong petani melalui subsidi bersasar, program latihan agroekologi dan bantuan kewangan yang boleh meningkatkan pengeluaran dengan ketara selain membantu mengurangkan harga," jelasnya.



MOHIDEEN

KPDN ambil serius aduan CAP



JEGAN

GEORGE TOWN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengambil serius aduan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) berhubung isu kenaikan harga bahan mentah di negeri ini.

Pengarah KPDN Pulau Pinang, S Jegan berkata, pihaknya sentiasa melaksanakan penguatkuasaan dan pemeriksaan bagi memastikan harga barangan sentiasa terkawal bagi menangani isu kenaikan harga barang.

Menurut Jegan, pihaknya melaksanakan pelbagai pendekatan berterusan dan agresif melalui pemeriksaan secara harian di pasar awam, pasar pagi, pasar malam, pasar tani dan pasar raya.

"Sehingga 30 November lalu, sebanyak 48,955 pemeriksaan dilakukan dengan 344 tindakan kes diambil terhadap peniaga yang melakukan kesalahan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011."

"Selain itu, KPDN akan terus melaksanakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan pemain industri lain bagi memastikan harga barangan sentiasa dipantau ketika negara mengalami cuaca tidak menentu," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Katanya, KPDN akan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang didapati melanggar undang-undang atau mencatut.

"Sebanyak 105 Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) dikeluarkan KPDN Pulau Pinang kepada peniaga borong dan runcit berdasarkan isu kenaikan harga barangan termasuk sayur-sayuran seperti sawi, kacang, kacang panjang, kacang ben-di dan cili merah."

"Individu dikesan melakukan kesalahan mengikut AKHAP 2011 boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali," kata beliau.

Dalam pada itu, Jegan menasihatkan pengguna membuat perbandingan harga dan memilih premis menawarkan harga yang berpatutan.

BY MORE THAN 50pc

'VEGETABLE PRICE HIKE TEMPORARY'

Prices will stabilise once weather conditions improve, says Mohamad

HANA NAZ HARUN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE increase in prices of vegetables is only temporary and will stabilise once weather conditions improve, said Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said the hike would subside once supply from imported sources ease pressure on the domestic supply.

In response to queries from the *New Straits Times*, Mohamad

said based on reports he received from the Agriculture Department and the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), several types of vegetables had been affected by the weather, impacting retail prices for consumers.

He said fruit-bearing vegetables were the most affected by climate change as weather conditions influenced the flowering and fruit formation processes.

"Persistent cloudy weather has hindered photosynthesis, affecting plant growth and yields."

"Heavy rainfall also impacts flower durability and fruit production."

"Green beans, in particular, have seen a significant price increase of 18 per cent. The price of high-altitude tomatoes have also risen to RM7.50 per kg, compared with the previous average price of RM5 per kg."

"However, this price increase is temporary and is expected to stabilise once weather conditions improve."

The ministry, he added, was assisting farmers affected by the recent floods by allocating funds under the Agricultural Food Recovery Project Fund to support those who had suffered losses, especially during the monsoon season.

For medium- and long-term strategies, Mohamad said the ministry would address the issue through the implementation of policies and the use of modern technologies.

These include developing a high-precision weather forecasting system to support the agricultural sector, adapting crop production technologies to address climate change, and developing and utilising climate-resistant crop varieties.

Mohamad said the ministry also aimed to reduce postharvest losses to ensure maximum yields reached consumers, thereby minimising waste in the production and marketing chains.

"During this period, consumers are advised to choose al-

ternative vegetables as substitutes for affected vegetables.

"The ministry will continue to monitor the situation and take appropriate action to ensure that the supply remains sufficient and vegetable prices do not become a burden to consumers."

On Sunday, it was reported that the prices of several types of vegetables were expected to rise by more than 50 per cent until the end of the month due to unpredictable weather conditions caused by the monsoon transition phase.

Cameron Highlands Vegetable Farmers Organisation president Datuk Chai Kok Lim has said heavy rainfall and flooding in several states have led to a decrease in vegetable supply.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/12/2024	HARIAN METRO	BISNES	27

Agrobank raih enam anugerah MPRA 2024

Kuala Lumpur: Agrobank berjaya merangkul enam anugerah berprestij menerusi kempen dan inisiatif perhubungan awamnya dalam Majlis Anugerah Perhubungan Awam Malaysia 2024 (MPRA 2024) di sini, baru-baru ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, pihaknya berbesar hati menerima pengiktirafan ini oleh Persatuan Perhubungan Awam dan Komunikasi (PRCA) Malaysia di MPRA 2024.

Katanya, anugerah itu memberi penghargaan kepada usaha keras dan komitmen berterusan bank dalam memperkasakan perhubungan awam.

"Ia juga meningkatkan kesedaran awam mengenai mandat Agrobank dalam memastikan pendekatan holistik bagi produk perbankan dan perkhidmatan menerusi pelan komunikasi dan kempen perhubungan awam berkesan.

"Dengan kemenangan

ini, Agrobank berhasrat untuk terus meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan serta komunikasi dengan pihak berkepentingan," katanya dalam kenyataan.

Di samping itu, menurutnya, pengiktirafan berkenaan juga simbolik inisiatif Agrobank dalam mempelbagaikan saluran komunikasi bagi menyampaikan mesej kepada masyarakat khususnya pelanggan mengenai manfaat yang dapat ditawarkan oleh pihaknya.

Katanya, Agrobank komited merangka pelan strategik serta mengukuhkan peranan pembangunannya sebagai Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) dalam memacu pembangunan ekonomi sektor pertanian.

Menurutnya, enam anugerah yang dirangkul bank itu adalah menerusi inisiatif dan pencapaian perhubungan awam melalui projek Inklusiviti dalam Kalangan Masyarakat menerusi Kempen Mega Million, Anugerah Pembangunan Penjenamaan Produk (B2C).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/12/2024	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Menanti beras tempatan kembali di pasaran

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

KANGAR: Ketiadaan beras tempatan di pasaran yang sudah berlarutan hampir dua tahun terus menimbulkan persoalan yang sehingga kini masih tiada jalan penyelesaian.

Meskipun negara berjaya melakukan rundingan dengan kerajaan India dalam usaha menurunkan harga beras import dari negara berkenaan, apa yang dilihat lebih penting adalah langkah memastikan bekalan beras tempatan kembali berada di pasaran perlu segera dilaksanakan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sekurang-kurangnya 10 premis termasuk pasar raya dan kedai runcit di sekitar negeri ini mendapati hanya bekalan beras import memenuhi rak di situ dan masalah sama di negeri-negeri lain.

Bersambung di muka 2

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/12/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Menanti beras tempatan kembali di pasaran

Dari muka 1

Pengguna tiada pilihan terpaksa membeli beras import pelbagai jenama dengan harga lebih tinggi yang mana jika dahulu mereka boleh mendapatkan beras tempatan di pasaran pada harga RM26.

Namun kini, ia hampir tidak lagi kelihatan kerana yang ada di rak-rak pasar raya dan kedai runcit semuanya dilabelkan sebagai beras import.

Pengguna, Nur Sara Mohd. Hanif, 40, berkata, sudah lama keluarganya membeli beras import dengan harga lebih mahal berikutan kesukaran mendapatkan beras tempatan termasuk di kedai-kedai runcit.

Ibu enam anak ini berkata, lazimnya beras tempatan hanya akan kelihatan seperti di program jualan Rahmah Madani atau program-program Madani.

"Saya hairan mengapa bekalan beras tempatan ini sangat sukar berada di pasaran sedangkan situasi tersebut tidak pernah berlaku sebelum ini."

"Hampir dua tahun masalah bekalan beras tempatan di pasaran berlarutan dan sejak itu, kami terpaksa membeli beras import.

"Saya harap isu beras tempatan ini dapat segera diselesaikan dan kalau boleh kita tidak mahulah ia terus berlarutan dua atau lima tahun lagi," katanya.

Isu ketiadaan bekalan beras putih tempatan (BPT) pernah dibangkitkan Ahli Parlimen Pasir Gudang dari Pakatan Harapan (PH), Hassan Abdul Karim baru-baru ini yang menyaranakan kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan termasuk agensi Kawal Selia Padi dan Beras untuk bercakap benar mengenai situasi beras tempatan dalam pasaran.

Saya hairan mengapa bekalan beras tempatan ini sangat sukar berada di pasaran sedangkan situasi tersebut tidak pernah berlaku sebelum ini."

NUR SARA MOHD. HANIF

Soal Hassan secara sinis kepada kerajaan, apakah rakyat perlu menunggu 20 tahun atau dua penggal lagi untuk selesaikan isu bekalan BPT dan apa maknanya belanjawan berbilion kalau soal makanan pun tidak selesai.

Sebagai rekod, penghasilan beras tempatan, sekitar 62 hingga 63 peratus dengan import hanya kira-kira 40 peratus. Difahamkan pengeluaran beras negara ketika ini sebanyak 1.6 juta tan metrik setahun berbanding import 1.1 juta tan metrik.

Pada 2019, Malaysia merekodkan pengeluaran 1,516,341 tan metrik beras putih tempatan manakala pada 2020 (1,624,468 tan metrik), 2021 (1,686,368 tan metrik), 2022 (1,574,960 tan metrik) dan sehingga Oktober 2023 sebanyak 1,181,911 tan metrik.

Bagi menampung keperluan 3.5 juta rakyat Malaysia, sebanyak 2.8 juta tan metrik makanan ruji tersebut diperlukan setahun.

Sementara itu, seorang kakitangan swasta, Lyana Azizan, 36, berkata, keluarganya sudah mula terbiasa dengan beras import selepas sudah agak terlampau lama beras tempatan tiada di pasaran.

"Selalunya, saya beli dua atau tiga kampak beras import berat lima kilogram pelbagai jenama yang mampu tahan sebulan atau lebih. Saya tidak pasti apa berlaku, tetapi memang agak lama beras tempatan tidak ada di pasaran," katanya.

Seorang pengusaha kedai makan, Hafiz Hashim, 38, berkata, bekalan beras import sememangnya banyak di pasaran berbanding beras tempatan yang sukar diperolehi.

"Namun sebagai peniaga, saya lebih menyukai beras import untuk para pelanggan meskipun harganya lebih mahal berbanding tempatan. Isu ketiadaan bekalan beras tempatan bukan perkara baharu yang agak lama berlarutan dan kita pun tidak tahu bila akan selesai," katanya.

Dalam pada itu, banjir melanda di beberapa negeri yang menyebabkan sawah tenggelam sebelum ini dikhuatiri akan menjejaskan pengeluaran hasil padi musim ini yang secara tidak langsung turut menjejaskan lagi beras tempatan.

Industri padi di Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah dan Perak antaranya dianggarkan mengalami kerugian mencecah RM30 juta selepas tanaman itu ditenggelami air.

Pengerusi Pertubuhan Perseaudaraan Pesawah Malaysia (PeSawah), Abdul Rashid Yob dilaporkan berkata, kira-kira 20 hektar sawah padi terjejas sepanjang gelombang pertama Monsun Timur Laut melanda negara itu.